

Program rumah terbuka, kongsi raya diteruskan

BH-17/6/2006

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu program rumah terbuka dan kongsi raya diteruskan kerana ia adalah acara sosial yang diterima baik masyarakat pelbagai kaum dan bukan upacara keagamaan yang boleh menggugat keimanan.

Malah, Perdana Menteri berkata, program anjuran kerajaan Persekutuan itu akan tersenarai sebagai acara tahunan negara selagi pendekatannya didapati tidak berbentuk perhimpunan agama.

Beliau berkata, sambutan majlis anjuran Kerajaan itu juga dapat dilaksanakan dengan baik tanpa timbul sebarang masalah di kalangan masyarakat pelbagai kaum yang hadir.

"Setakat ini, pendekatan diambil menerusi program ini lebih bersifat pertemuan sosial sesama rakyat, selain pertunjukan kebudayaan dan kesenian, tanpa upacara keagamaan atau adat berkaitan agama.

"Kita sekadar mengucapkan selamat sesama kita, sama ada ia sambutan Aidilfitri, Tahun Baru Cina atau Deepavali dan tidak lebih daripada itu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Sambil menjadikan acara di Sabah sebagai contoh Abdullah berkata, tarian, pementasan dan adat resam berhubung kait dengan kepercayaan seperti semangat padi juga bukan sesuatu yang boleh menggoncang keimanan seseorang.

Sementara itu, di **PUTRAJAYA** malam tadi, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Difahamkan, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri hadir pada mesyuarat itu, termasuk Menteri Wilayah Persekutuan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique serta Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa.

Antara pemimpin dilihat meninggalkan JPM dalam pertemuan kira-kira tiga jam bermula 8 malam itu ialah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

PERDANA
BERSHIP
NDATION
YASAN
PIMPINAN
ERDANA